

07 JUL 2002

DR MAHATHIR TIBA DI LANGKAWI UNTUK LAWATAN SINGKAT

LANGKAWI, 7 Julai (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad diberikan sambutan meriah setibanya di Lapangan Terbang Antarabangsa Langkawi di Padang Mat Sirat di sini hari ini untuk lawatan singkat.

Ketibaan beliau bersama isterinya Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohamed Ali disambut Menteri Besar Datuk Seri Syed Razak Syed Zain, Anggota Parlimen Langkawi Datuk Abu Bakar Taib yang juga Setiausaha Parlimen Kementerian Pertanian, para pegawai kanan kerajaan serta para pemimpin Umno dan Barisan Nasional.

Dr Mahathir tiba dari Bangkok selepas melakukan lawatan dua hari ke negara jiran itu.

Perdana Menteri dijadualkan melawat beberapa projek pembangunan di sini.

-- BERNAMA
NH AZZ ROS